


# Apollo Tyres

## Dasar

## Getah Asli

## Mampan



*Versi no 2 Tanggal 20 February 2023*

## Isi Kandungan

<b>Rekod Semakan</b> .....	Halaman No. 3
<b>Pengenalan &amp; Skop</b> .....	Halaman No. 4
<b>Komponen-komponen Perolehan Mampan</b> .....	Halaman No. 4
<b>Komponen-komponen Dasar Getah Asli Mampan</b> .....	Halaman No. 6
<b>Bahagian I: Hak Pekerja dan Asasi Manusia</b> .....	Halaman No. 6
<b>Bahagian II: Kesihatan dan Keselamatan</b> .....	Halaman No. 9
<b>Bahagian III: Pematuhan Etika dan Perundangan</b> .....	Halaman No. 10
<b>Bahagian IV : Perlindungan dan Pemeliharaan Alam Sekitar</b> .....	Halaman No. 10
<b>Bahagian V : Meningkatkan Kecekapan Pengeluaran</b> .....	Halaman No. 11
<b>Bahagian VI: Penilaian dan Kebolehkesanan Rantaian Bekalan</b> .....	Halaman No. 12
<b>Pemantauan dan Laporan</b> .....	Halaman No. 12
<b>Lampiran (Istilah &amp; Takrifan)</b> .....	Halaman No. 14
<b>Lampiran (Rujukan)</b> .....	Halaman No. 18

## Semakan Dasar

Dasar ini boleh dipinda mengikut perubahan dalam Rangka Kerja Dasar GPSNR dan / atau faktor-faktor luaran berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pembelian Getah Asli Syarikat tersebut.

<b>Versi</b>	<b>Edisi</b>	<b>Keterangan Semakan</b>
1.0	Sep 2021	Edisi Pertama
2.0	Feb 2023	Sistem pelaporan aduan yang disemak semula

# Dasar Getah Asli Mampan Apollo

## (ASNRP)

### Pengenalan

Getah Asli adalah salah satu bahan mentah utama yang digunakan dalam pembuatan tayar dan ianya dihasilkan dari pokok spesis Hevea Brasiliensis. Penanaman pokok getah memerlukan cuaca yang khusus, keadaan tanah yang baik dan ianya sering terjejas akibat penyakit dan perubahan iklim.

### Apollo Tyres Ltd

Telah berada dalam perniagaan perkilangan dan penjualan tayar sejak tahun 1972. Dasar Getah Asli Mampan Apollo (dirujuk sebagai "**ASNRP**") terpakai kepada Apollo Tyres Limited dan kepada mana-mana anak syarikatnya, gabungan, syarikat usaha sama dan sekutunya (secara kolektif dirujuk sebagai "**Apollo Tyres**"). Apollo Tyres mengetahui bahawa bagi mendapatkan bekalan getah asli yang seimbang, pengeluaran perlu dilakukan dalam secara mampan tanpa menjedaskan alam sekitar dan manusia.

### Skop

Skop ASNRP adalah untuk mematuhi, menerbit dan melaksana komponen-komponen dan prinsip-prinsip yang digariskan oleh Platform Global bagi Getah Asli Mampan (dirujuk sebagai "GPSNR"). GPSNR adalah komited untuk mempromosikan penggunaan getah Asli Mampan dalam pasaran global dengan mengutarkan perubahan hutan dan ekosistem lain, kehilangan biodiversiti, pelanggaran hak kemanusiaan dan ketidaksamaan dalam rantaian bekalan getah asli.

ASNRP mengandungi dua (2) bahagian iaitu:

- i. Komponen-komponen Perolehan Mampan Apollo Tyres
- ii. Komponen-komponen Dasar Getah Asli Mampan Apollo Tyres

### Bahagian 1 : Komponen-komponen Perolehan Mampan Apollo Tyres

Komponen-komponen Perolehan Mampan Apollo Tyres dibentuk dalam tiga (3) bahagian: Wawasan Perolehan Mampan, Dasar Perolehan Mampan dan Prinsip-prinsip Panduan Perolehan Mampan:

## **Bahagian I : Wawasan Perolehan Mampan**

Apollo Tyres hendaklah berusaha ke arah mengurangkan impak alam sekitar dan sosial pada perniagaannya dengan menerima pakai dasar-dasar perolehan Mampan dan dalam perkara ini memastikan penyertaan pembekal dalam menggalakkan amalan-amalan yang mampan dalam rantaian bekalan bahan mentah Kami hendaklah memastikan rangka kerja tadbir urus kemampunan yang kuat bagi menyediakan pengesanan terhadap isu-isu utama, risiko dan peluang-peluang yang ada dalam rantaian bekalan bahan mentah; dan strategi untuk mengatasinya.

## **Bahagian II : Dasar Perolehan Mampan**

Apollo Tyres menganggap pembekal-pembekalnya sebagai rakan kongsi perniagaan untuk jangka panjang dan adalah komited untuk menjalankan perniagaannya secara adil dan beretika serta menggalakkan persaingan terbuka dan adil bagi kepentingan Apollo Tyres dan pembekalnya. Kami akan sentiasa berusaha meningkatkan kepuasan pelanggan dengan memberi bahan yang kos efektif dan berkualiti mengikut keperluan masa, sementara bekerjasama dengan rakan kongsi rantaian bekalan kami mengenai aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial bagi membolehkan amalan perniagaan yang mampan.

## **Bahagian III : Prinsip-prinsip Panduan Perolehan Mampan**

Apollo Tyres adalah komited untuk melindungi alam sekitar dengan memberi mandat penghapusan "penebangan hutan" dan "perubahan ekosistem" serta melindungi "hak kemanusiaan" dalam Rantaian Bekalan Getah Aslinya.

Prinsip-prinsip panduan bagi perolehan Mampan Apollo Tyres adalah seperti berikut:

1. Memacu melalui tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti
2. Meningkatkan penggunaan bahan mentah kitar semula dan guna semula dalam produk kami termasuk menggalakkan rakan kongsi rantaian bekalan RM kami untuk meningkatkan kandungan bahan mentah kitar semula & guna semula dalam proses pembuatan mereka.
3. Berusaha ke arah standard persekitaran, kesihatan & keselamatan dalam proses pembuatan dan operasi pembekal bahan mentah dan berusaha ke arah pensijilan yang berkenaan dalam industri yang mereka ceburi.
4. Menyepadukan standard antarabangsa dan domestik mengenai Hak Asasi Manusia juga diguna pakai dalam operasi pembekal bahan mentah
5. Memastikan pematuhan norma antarabangsa dalam agenda kerja yang baik dan menggalakkan budaya 'Satu Keluarga' kami dalam rantaian bekalan bahan mentah

6. Berusaha ke arah Kemampanan Getah Asli mengikut garispanduan GPSNR untuk memacu peningkatan dalam prestasi Sosial, Ekonomi dan Persekutaran rantaian bekalan Getah Asli
7. Memacu peningkatan berterusan dalam agenda perolehan Mampan bagi rantaian bekalan bahan mentah

Pembekal-pembekal getah semulajdi yang membekal kepada Apollo Tyres hendaklah mematuhi dasar Getah Asli Mampan Apollo - ASNRP, yang mana sejajar dengan Rangka Kerja Dasar GPSNR. Getah Asli dihasilkan menurut Rangka Kerja Dasar GPSNR akan menjadi pilihan. Apollo Tyres menggalakkan semua pembekal getah Aslinya untuk membentuk dan menerbitkan Dasar SNR mereka sendiri yang sejajar dengan rangka kerja dasar GPSNR, bukan sahaja dalam perniagaan mereka, malah juga untuk menggalakkan inisiatif ini di kalangan rantaian bekalan mereka. Apollo Tyres hendaklah menyediakan syarat-syarat terikat masa bagi memenuhi keperluan dasar, dan memastikan bahawa kod dan kontrak pembekal, aktiviti penglibatan dan mekanisma lain mencerminkan jangkaan pembekal-pembekal ini.

## **Bahagian 2 : Komponen-komponen Dasar Getah Asli Mampan Apollo Tyres**

Komponen-komponen Dasar Getah Asli Mampan Apollo Tyres mengandungi enam (6) bahagian yang menggariskan standard bagi Hak Pekerja dan asasi manusia, Kesihatan dan Keselamatan, Pematuhan Etika dan Perundungan, perlindungan dan pemeliharaan Alam Sekitar, Meningkatkan Kecekapan Pengeluaran, Penilaian Rantaian Bekalan dan pemantauan indikasi prestasi bagi perlaksanaan dasar ini.

### **Bahagian I: Hak Perkerja dan Asasi Manusia**

Apollo Tyres mematuhi, mengenal pasti, menghormati dan menegakkan undang-undang berkenaan (tempatan, kebangsaan dan antarabangsa) termasuk Prinsip Panduan Perniagaan dan Hak Kemanusiaan UN (UNGPs) mengenai Hak Tenaga Kerja dan Kemanusiaan dan lapan tuntutan utama kelaziman dalam aktiviti-aktiviti perniagaannya. Dasar ini terpakai kepada semua pekerja, termasuk pekerja kontrak, pekerja asing dan pekerja sementara. Apollo Tyres mencegah menjadi sebab atau menyumbang kepada perkara buruk yang memberi impak kepada hak kemanusiaan. Apollo Tyres bersama pembekal-pembekalnya, mematuhi perkara yang disebut sebelum ini, termasuklah yang berikut:

- 1) Buruh Paksa atau Terikat: Buruh paksa, terikat atau indentur dilarang diamalkan dalam sebarang cara. Pekerjaan hendaklah dilakukan secara sukarela dan semua pekerja bebas untuk berhenti dengan notis yang munasabah.
- 2) Buruh Kanak-Kanak: Buruh kanak-kanak adalah dilarang. Terma Kanak-kanak merujuk kepada sesiapa yang berumur di bawah lima belas (15) tahun (atau empat belas (14) di mana undang-undang negara dibenarkan, atau di bawah umur bagi melengkapkan pendidikan wajib, atau di bawah umur minimum bagi penggajian di dalam negara, yang mana terpakai. Apollo Tyres menyokong penggunaan program perintis tempat kerja yang sah yang mana mematuhi perundangan dan peraturan tempatan yang berkenaan terhadap program perintisan sedemikian.
- 3) Waktu Bekerja: Waktu bekerja pekerja mematuhi undang-undang kebangsaan. Pekerja tidak seharusnya diminta untuk bekerja melebihi enam puluh (60) jam seminggu, termasuk kerja lebih masa, kecuali dalam keadaan perniagaan luar biasa dengan mendapat keizinan mereka, tertakluk kepada undang-undang tempatan. Pekerja harus dibenarkan sekurang-kurangnya satu (1) hari cuti dalam seminggu dan tidak harus ada sebarang amalan kerja yang tidak adil.
- 4) Menyokong Gaji Sara Hidup dan Manfaat yang Bersesuaian: Gaji yang dibayar kepada pekerja hendaklah mematuhi semua perundangan penggajian yang terpakai, termasuk perkara yang berkaitan gaji minimum, waktu kerja lebih masa, kadar dan elemen lain penggajian, dan menyediakan manfaat yang dimandatkan oleh undang-undang terpakai di bawah perundangan tempatan atau antarabangsa.
- 5) Tiada diskriminasi: Tidak seharusnya ada sebarang bentuk diskriminasi dalam pengambilan pekerja dan amalan penggajian atas dasar bangsa, warna, umur, jantina, orientasi seksual, etnik, kewarganeraan, status perkahwinan, kehamilan, hubungan politik, atau perkara yang dilarang di bawah perundangan tempatan. Apollo Tyres dan pembekal-pembekal getah Aslinya hendaklah menyokong kesamaan jantina di tempat kerjanya.
- 6) Layanan Kemanusiaan: Semua pekerja harus dilayan dengan hormat dan bermaruah. Tiada layanan kasar dan tidak berperikemanusiaan, termasuk sebarang gangguan seksual, penderaan seksual, hukuman dera, paksaan mental atau fizikal atau penderaan verbal.

- 7) Kebebasan Berpersatuan dan Perundingan Kolektif: Pembekal-pembekal harus menghormati hak perundangan pekerja seperti yang dibenarkan di bawah perundangan tempatan; dan hendaklah menggalakkan pekerja untuk membentuk persatuan sebegini yang menjaga kebajikan pekerja secara keseluruhan.
- 8) Mata Pencarian Komuniti: Menyokong keadaan hidup yang memuaskan bagi komuniti tempatan dengan kebersihan dan tempat tinggal yang mencukupi, akses ke air bersih dan makanan bersih serta hak ekonomi, sosial dan budaya.
- 9) Membentuk saluran-saluran berterusan, efektif, sesuai dengan budaya untuk berdialog dengan penduduk orang asli dan komuniti tempatan.
- 10) Menghormati dan melindungi adat, tradisi dan hak pegangan tanah perkauman Orang Asli dan Komuniti-Tempatan (IP/LC) menurut Pengisytiharan UN mengenai Hak-hak Orang Asli (UNDRIP) : Memastikan bahawa sebelum sebarang aktiviti dilakukan yang mungkin menjelaskan hak Orang Asli dan Komuniti Tempatan (IP/LC) terhadap tanah, wilayah, dan sumber, Manual Keizinan Bebas, Keizinan Sebelum dan Izin Maklum (FPIC) adalah selamat dan IP/LC mempunyai hak untuk memberi atau menahan keizinan mereka untuk sebarang aktiviti yang tertakluk kepada proses FPIC. Apabila operasi melanggar hak IP/LC, pampasan hendaklah dibincangkan dan sebarang tempat tinggal boleh disediakan untuk IP/LC mesti dibuat melalui langkah-langkah sesuai, yang dipersetujui bersama seperti yang dicerminkan dan dijelaskan dalam hasil rundingan proses-proses FPIC. Apollo Tyres menyokong penerimaan langkah-langkah ini untuk menyediakan penyelesaian melalui prosedur yang dipersetujui bersama dalam kes di mana Apollo Tyres atau pembekal getah aslinya telah menyebabkan atau menyumbang kepada sebahagian atau mudarat kepada tanah, wilayah atau sumber IP/LC tanpa pengikatan FPIC. Perlaksanaan dipantau bersama oleh komuniti dan ahli GPSNR dan/atau oleh pihak ketiga atas persetujuan bersama.

Metodologi-metodologi yang diterima yang harus diikuti oleh proses FPIC adalah:

- UN-REDD (2012) Garispanduan mengenai Keizinan Bebas, Keizinan Sebelum dan Izin Maklum
- RSPO (2015) Keizinan Bebas, Keizinan Sebelum dan Izin Maklum bagi Ahli-ahli RSPO
- FAO (2015) Manual Keizinan Bebas, Keizinan Sebelum dan Izin Maklum

- 11) Mekanisma Rungutan: Apollo Tyres dan Pembekal Getah Aslinya hendaklah membentuk dan mengekalkan mekanisma rungutan syarikat serta saluran-

saluran komunikasi dengan semua pihak berkepentingan, termasuk Orang Asli dan Komuniti Tempatan (IP/LC) by year 2022. Mekanisme tersebut hendaklah dijalankan secara konsisten dengan kriteria keberkesanan UNGP.

## **Bahagian II : Kesihatan dan Keselamatan**

- 1) Keselamatan Pekerjaan: Pekerja yang terdedah kepada potensi bahaya keselamatan (sebagai contoh, sumber elektrik & sumber tenaga lain, kenderaan menyelamat kebakaran, dan bahaya jatuh) hendaklah dikawal melalui rekabentuk yang baik, kawalan secara kejuruteraan dan pentadbiran, langkah-langkah pencegahan dan prosedur keselamatan kerja (termasuk lockout/ tag out). Di mana bahaya tidak dapat dikawal secukupnya dengan cara ini, pekerja-pekerja hendaklah disediakan dengan peralatan perlindungan diri yang sesuai. Pekerja tidak seharusnya didenda atas sebab menyuarakan keimbangan keselamatan.
- 2) Persediaan Kecemasan: Situasi dan kejadian kecemasan perlu dikenal pasti dan dinilai, dan impaknya diminimumkan dengan melaksanakan pelan kecemasan dan prosedur tindakbalas, termasuk laporan kecemasan, pemberitahuan pekerja dan prosedur pengosongan, latihan pekerja dan latihan tindakan kecemasan, peralatan pengesanan dan pemadaman kebakaran yang sesuai, kemudahan pintu kecemasan mencukupi dan pelan pemulihan.
- 3) Kebersihan Perindustrian: Pendedahan pekerja kepada bahan kimia, biologikal dan agen fizikal perlu dikenal pasti, dinilai dan dikawal. Apabila bahaya tidak dapat dikawal secukupnya dengan cara kejuruteraan dan pentadbiran, pekerja-pekerja hendaklah disediakan dengan peralatan perlindungan diri yang sesuai.
- 4) Keperluan Kerja Secara Fizikal: Pekerja yang terdedah kepada tugas yang memerlukan tenaga fizikal, termasuk pengendalian bahan secara manual dan mengangkat beban, berdiri secara lama dan tugas pemasangan berulang tinggi atau memerlukan tenaga, perlu dikenal pasti, dinilai dan dikawal.
- 5) Perlindungan Mesin: Perlindungan fizikal, saling kunci dan penghadang perlu disediakan dan diselenggara dengan baik bagi peralatan mesin yang digunakan oleh pekerja.
- 6) Asrama dan Kantin: Pekerja perlu disediakan dengan kemudahan tandas yang bersih, akses ke bekalan air bersih dan penyediaan makanan yang bersih serta kemudahan penyimpanan. Asrama-asrama pekerja yang disediakan perlulah

bersih, selamat dan menyediakan jalan keluar kecemasan, pemanasan dan pengaliran udara yang cukup, serta ruang peribadi yang sesuai. Selain itu, pekerja-pekerja di bahagian kantin perlu menjalani pemeriksaan kesihatan berkala.

- 7) Pemeriksaan Kesihatan: Pekerja-pekerja yang terdedah kepada bahaya kimia dan biologikal perlu menjalani pemeriksaan kesihatan berkala.

### **Bahagian III : Pematuhan Etika dan Perundangan**

Apollo Tyres mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan di dalam wilayah di mana ia beroperasi dan pembekal-pembekalnya juga harus mematuhi semua syarat perundangan di dalam operasi mereka sepanjang masa.

- 1) Niat dan Amalan merampas/memperolehi tanah hendaklah dilarang.
- 2) Integriti Perniagaan: Standard integriti yang tinggi diperlukan di dalam semua transaksi perniagaan. Sebarang dan semua bentuk korupsi, peras ugut dan penyelewengan adalah dilarang oleh Apollo Tyres dan pembekalnya, boleh ditamatkan urusan perniagaan dengan segera.
- 3) Tiada Kelebihan yang Tidak Wajar: Tiada amalan rasuah atau cara lain yang diikuti bagi mendapat kelebihan yang berlebihan dan tidak wajar.
- 4) Pendedahan Maklumat: Maklumat mengenai aktiviti perniagaan, struktur, posisi kewangan dan prestasi perlu didedahkan menurut peraturan yang berkenaan dan amalan terbaik dalam industri.
- 5) Perniagaan, Pengiklanan dan Persaingan Sihat: Standard perniagaan, pengiklanan dan persaingan sihat perlu ditegakkan. Cara untuk melindungi maklumat pelanggan perlu ada.

### **Bahagian IV : Perlindungan dan Pemeliharaan Alam Sekitar**

Pembekal-pembekal getah asli Apollo Tyres harus berfungsi dengan cara di mana alam sekitar dilindungi. Di dalam operasi pengilangan, kesan mudarat kepada komuniti, alam sekitar dan sumber Asli hendaklah dikurangkan sambil melindungi kesihatan dan keselamatan orang awam.

Perniagaan Apollo Tyre dan pembekal-pembekal getah aslinya hendaklah memelihara dan / atau menyokong pemeliharaan -

- 1) HCVs dan HCS: Mencegah penebangan hutan atau degradasi kawasan tanah dengan Nilai Pemeliharaan Tinggi (HCV) dan hutan dengan Stok Karbon Tinggi (HCS) yang mana adalah kritikal dalam mengutarakan perubahan iklim. Apollo Tyres dan pembekal-pembekal getah Aslinya hendaklah tidak mendapat sumber dari kawasan yang telah dilakukan penebangan hutan atau telah mengalami degradasi HCV. Sebarang kesalahan selepas 1<sup>hb</sup> April 2019 (sejajar dengan GPSNR) akan dianggap sebagai tidak mematuhi Dasar ini.
- 2) Hutan Asli: Melindungi hutan Asli, ekosistem lain dan menyokong pemuliharaannya serta membantu aktiviti melindungi haiwan liar di kawasan yang terjejas akibat pemburuan haram, pemburuan berlebihan dan kehilangan habitat.
- 3) Pengurusan Tanah: Dilarang untuk melakukan pembakaran secara terbuka dalam operasi baru atau sedang berlangsung bagi persediaan tanah, pengurusan tanah, pengurusan bahan buangan dan / atau bagi sebab-sebab lain.
- 4) Kualiti Air dan Tanah: Melindungi kuantiti dan kualiti air serta kualiti tanah, mencegah pencemaran air dari perladangan dan bahan kimia perindustrian, dan mencegah hakisan, pemendapan, degradasi nutrien, penenggelaman dan pencemaran. Pembekal-pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang, peraturan dan standard alam sekitar yang berkenaan, seperti syarat-syarat mengenai pengurusan bahan kimia dan bahan buangan, kitar semula, rawatan air kumbahan perindustrian dan pelepasan, kebenaran persekitaran dan laporan persekitaran.
- 5) Tanah Gambut: Tanah gambut, apabila tanah kering dan dibakar, amau karbon dioksida yang banyak dilepaskan ke udara, menyumbang kepada perubahan iklim, mengganggu ekosistem dan menjadikan kesihatan manusia. Oleh itu, pembekal hendaklah mencegah pembangunan atau sumber getah asli dari ladang-ladang getah asli di tanah gambut.

## **Bahagian V : Meningkatkan Kecekapan Pengeluaran**

Apollo Tyres menyokong dan menggalak pembekal getah Aslinya dalam meningkatkan proses pengeluaran, kualiti dan hasil produknya melalui mesyuarat, latihan berkala

dan program kesedaran untuk pembekal-pembekal. Kami percaya penambahbaikan dalam produktiviti dan kualiti akan membantu meningkatkan kapasiti bekalan pengeluar tanpa perlu menambah lebih banyak kawasan perladangan getah yang baru.

Apollo Tyres dan pembekalnya mesti memastikan bahawa proses-proses dilakukan bagi mengurangkan secara aktif penggunaan sumber-sumber terhad, seperti tenaga, air dan bahan mentah dan memaksimakan kecekapan di mana sumber-sumber terhad ini digunakan dan pada masa yang sama, meminimum dan mengurangkan pelepasan karbon.

Pembekal-pembekal Apollo Tyres hendaklah melaksana dan memanjangkan syarat-syarat ini kepada peringkat seterusnya dalam rantaian bekalan mereka.

## **Bahagian VI : Penilaian dan Kebolehkesanan Rantaian Bekalan**

Apollo Tyres hendaklah menjalankan penilaian rantaian bekalan getah aslinya dan seterusnya bekerjasama dengan pembekalnya untuk mengurangkan sebarang risiko. Kami akan menggalakkan pemetaan dan kebolehkesanan getah asli dalam rantaian bekalan kami ke satu titik pada peringkat bidang kuasa yang sesuai di mana pematuhan boleh disahkan.

Apollo Tyres telah mengekalkan kebolehkesanan bagi pembekal-pembekal getah Asli ke peringkat tier-1. Namun, disebabkan oleh sifat berpecah belah pemegang-pemegang kecil dalam rantaian bekalan, adalah sangat rumit untuk membentuk kebolehkesanan semua pembekal sehingga ke pemegang-pemegang dan peladang-peladang kecil. Apollo Tyres secara aktif bekerjasama dengan pihak berkepentingan melalui inisiatif GPSNR bagi menambah baik kebolehkesanan getah melangkaui peringkat Tier-1.

Sebagai contoh pembekal tidak mematuhi ASNRP ini (dan Komponen-komponen Dasar GPSNR), pembekal hendaklah membentuk pelan perlaksanaan masa terikat untuk berusaha ke arah mematuhi dan/atau penyelesaian isu-isu lampau atau semasa.

## **Pemantauan dan Laporan**

Apollo Tyres telah dan akan secara kerap berinteraksi dengan pembekal-pembekal utama getah Asli melalui media langsung dan maya. Melalui proses penilaian dan pembangunan pembekal, Apollo Tyres menjalankan audit kilang dengan tujuan untuk

menyokong pembekal-pembekal getah aslinya dalam perkembangan mereka untuk terus menambah baik dan meningkatkan sistem pengurusan kualiti mereka. Interaksi secara kerap dengan pembekalnya akan menyokong usahanya dengan rakan kongsi rantai bekalan dalam menilai risiko sebenar dan berpotensi dalam rantai bekalan ini. Hal ini akan membantu dalam mengutamakan risiko dan membentuk tindakan pengurangan risiko. Apollo Tyres komited untuk terlibat dalam / menyokong perancangan dan usaha dasar pelbagai pihak berkepentingan yang menegakkan prinsip-prinsip GPSNR di peringkat landskap, bidang kuasa atau ruangan.

Audit rutin dilakukan secara berkala berdasarkan kriteria yang ditetapkan yang mana meliputi topik mengenai sistem Pengurusan Kualiti, proses Perolehan, layanan dan khidmat Pelanggan, Kesihatan, keselamatan dan persekitaran. Sebarang jurang yang dikenal pasti dibincang dan diutarakan secara bersama dengan pembekal melalui pelan tindakan penambahbaikan. Ia hendaklah mengikut pendekatan berdasarkan risiko dengan menyepadukan semua prinsip-prinsip GPSNR dalam rangka kerja pengurusannya.

Apollo Tyres berikrar untuk menetapkan dan memantau sasaran dan perkembangan spesifik pada komitmennya dan berazam untuk mengukuhkan komitmen ini di dalam proses-proses membuat keputusan bagi Apollo Tyres. Sasaran, perkembangan dan prestasi mereka akan diterbitkan untuk tatapan semua pihak berkepentingan oleh Apollo Tyres melalui kemaskini berkala dan maklum balas setiap tahun.

## **Hubungi Kami**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan Dasar Getah Asli Mampan Apollo (ASNRP) dan/atau untuk melaporkan rungutan berhubung pelanggaran ASNRP, sila hubungi kami di [compliance.officer@apollotyres.com](mailto:compliance.officer@apollotyres.com)

## **Perubahan kepada ASNRP**

Sila ambil perhatian bahawa ASNRP mungkin tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. ASNRP yang disemak akan diterbitkan dalam halaman ini. Perubahan akan dimaklumkan kepada rakan kongsi secara berkala.

~~~ Tamat ~~~

## Lampiran (Istilah & Takrifan)

### Platform Global bagi Getah Asli Mampan (GPSNR)

GPSNR adalah sebuah platform bagi kemampanan getah asli yang ditubuhkan pada Okt 2018. Ianya ditubuhkan oleh Majlis Perniagaan Dunia bagi Pembangunan Mampan Projek Industri Tayar (TIP) melibatkan pelbagai pihak berkepentingan seperti peladang-peladang getah Asli, peniaga dan pemproses, pengilang tayar, pengilang produk getah lain, pengilang kereta dan Pertubuhan Perkhidmatan Sivil.

Capaian ke Laman Web GPSNR - <https://sustainablenaturalrubber.org/>

### Buruh kanak-kanak

Kerja yang mana boleh membahaya atau mengganggu pendidikan kanak-kanak tersebut, atau memudaratkan kesihatan atau fizikal, perkembangan mental, spiritual, moral atau sosial kanak-kanak tersebut.

### Tenaga kerja paksa

Semua kerja atau khidmat yang dilakukan oleh seseorang di bawah ancaman sebarang penalti dan yang mana seseorang tidak menawarkan dirinya secara sukarela.

### Kebebasan berpersatuan

Hak pekerja dan majikan untuk menuju dan menyertai pertubuhan pilihan mereka tanpa perlu mendapat kebenaran sesiapa.

### Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCS)

Pendekatan Stok Karbon Tinggi (HCS) adalah satu metodologi yang membezakan kawasan hutan untuk perlindungan daripada tanah terdegradasi dengan karbon rendah dan nilai biodiversiti yang mungkin dibangunkan. Metodologi ini dibangunkan dengan sasaran untuk memastikan pendekatan praktikal, telus, teguh dan secara saintifik yang boleh dipercayai yang diterima secara meluas untuk melaksanakan komitmen bagi menghentikan penebangan hutan di kawasan tropika, sementara memastikan hak dan mata pencarian penduduk tempatan dihormati.

## Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV)

HCV adalah nilai biologikal, ekologi, sosial atau budaya kepentingan luar biasa atau kepentingan kritikal, seperti yang ditakrifkan oleh Panduan Biasa bagi Mengenal Pasti HCV.

Enam kategori HCV adalah:

- 1) HCV 1: Diversiti spesis Penumpuan diversiti biologikal termasuk spesis endemik, dan jarang ditemui, terancam atau spesis kian pupus, yang mana penting pada peringkat global, wilayah atau kebangsaan.
- 2) HCV 2: Ekosistem peringkat lanskap, ekosistem mozek dan IFL Ekosistem peringkat lanskap yang besar, ekosistem mozek dan Lanskap Hutan Utuh adalah penting di peringkat global, wilayah atau kebangsaan, dan yang mengandungi populasi yang berdaya maju dengan majoriti besar spesis Asli dalam corak Asli pengagihan dan banyak.
- 3) HCV 3: Ekosistem dan habitat Ekosistem, habitat atau refugia langka, terancam atau kian pupus.
- 4) HCV 4: Perkhidmatan ekosistem Perkhidmatan ekosistem asas dalam situasi kritikal, termasuk perlindungan kawasan tадahan air dan pengawalan hakisan tanah dan curam yang mudah terjejas.
- 5) HCV 5: Keperluan Komuniti Kawasan dan sumber asas bagi memenuhi keperluan asal komuniti tempatan atau orang asli (bagi mata pencarian, kesihatan, nutrisi, air, dan sebagainya...), dikenalpasti melalui penglibatan dengan komuniti dan orang asli ini.
- 6) HCV 6: Nilai-nilai budaya Kawasan, sumber, habitat dan lanskap global atau budaya kebangsaan, arkeologi atau kepentingan sejarah, dan/atau budaya kritikal, ekologikal, ekonomi atau kepentingan agama/kesucian bagi budaya-budaya tradisional komuniti tempatan atau orang asli, dikenal pasti melalui penglibatan dengan komuniti tempatan atau orang asli.

## Komuniti tempatan

Sekumpulan penduduk yang berinteraksi tinggal dan berkongsi persekitaran dan tempat khusus, dan berkongsi kebimbangan yang sama mengenai kemudahan, perkhidmatan dan persekitaran tempatan dan di mana kadangkala berbeza dengan takrifan tradisional atau Negeri. Komuniti-komuniti ini mungkin memegang maksud tertentu kepada tanah dan sumber-sumber Asli sebagai sumber-sumber budaya, adat, sejarah, dan identiti, dan/atau bergantung kepadanya untuk mengekalkan mata pencarian, organisasi sosial, budaya, tradisi dan kepercayaan mereka. Komuniti-komuniti tempatan ini mungkin secara sah atau kebiasaannya dikenali atau ditetapkan menggunakan pelbagai terma, seperti "komuniti tradisional." Seperti Orang Asli, mereka menggunakan dan mengurus tanah menurut sistem pegangan adat dan hak berkaitan dan mungkin bergantung kepada tanah mereka untuk budaya dan kelangsungan hidup.

## Gambut

Tanah dengan lapisan organik kumulatif mengandungi lebih daripada separuh bahagian atas 80 cm atau 100 cm permukaan tanah mengandungi 35% atau lebih bahan organik (35% atau lebih Kehilangan dalam penyalaan) atau 18% atau lebih karbon organik. Perhatian untuk pengurusan perladangan semasa di Malaysia dan Indonesia, definisi lebih khusus telah digunakan, berdasarkan pada peraturan kebangsaan: iaitu tanah dengan lapisan organik lebih daripada 50% di bahagian atas 100 cm mengandungi lebih daripada 65% bahan organik.

## Penanam SNR kecil / Pemegang kecil

Pemilik ladang getah Asli yang bersaiz kecil dan telah disahkan mematuhi Kriteria dan Penunjuk SNR. Setiap negara mempunyai definisi berbeza bagi penanam kecil, nilai ambang kawasan tidak melebihi 50ha adalah ditetapkan sebagai penanam SNR kecil bagi GPSNR.

## Ketelusan rantaian bekalan

Ketelusan merujuk kepada maklumat 'peringkat tinggi' yang didapati dan dipindah sepanjang rantaian bekalan. Ketelusan rantaian bekalan adalah strategi menyeluruh, memerlukan persetujuan harmoni dari semua pihak. Ketelusan strategik adalah kontjen dalam pengumpulan data sedia ada, dan membina pengetahuan berdasarkan aktiviti rantaian bekalan dan pembekal sedia ada. Ketelusan rantaian bekalan memerlukan syarikat untuk mengetahui

apa yang berlaku di punca bekalan dalam rantaian bekalan dan menyampaikan pengetahuan kepada pihak dalaman dan luaran.

### Tarikh sasaran

Tarikh di mana sesebuah syarikat (atau komitmen lain atau entiti mengeluar dasar) berniat untuk melaksanakan sepenuhnya komitmen atau dasarnya.

### Kebolehkesanan

Kebolehan untuk mengikuti sesebuah produk atau komponennya melalui peringkat-peringkat rantaian bekalan (contoh: pengeluaran, pemprosesan, perkilangan dan pengagihan).

## Lampiran (Rujukan)

Rangka Kerja Dasar GPSNR (Rujukan : GPSNR-POL-B01-003)

Pertubuhan Tenaga Kerja Antarabangsa

<https://www.ilo.org/global/standards/introduction-to-international-labour-standards/conventions-and-recommendations/lang--en/index.htm>

Manual Keizinan Bebas, Keizinan Sebelum dan Izin Maklum (Pertubuhan Makanan dan Pertanian)

<http://www.fao.org/3/i6190e/i6190e.pdf>

Pengisytiharan UN mengenai Hak Orang Asli (UNDROP)

<https://www.un.org/development/desa/indigenouspeoples/declaration-on-the-rights-of-indigenous-peoples.html>

Prinsip-prinsip Panduan UN mengenai Perniagaan dan Hak Kemanusiaan (UNGPs)

[https://www.ohchr.org/documents/publications/guidingprinciplesbusinesshr\\_en.pdf](https://www.ohchr.org/documents/publications/guidingprinciplesbusinesshr_en.pdf)